

04/11/2000

Hari Puisi Nasional XV cukup bermakna

Jamudin Idris

HARI Puisi Nasional XV di Pulau Langkawi yang menghimpunkan penyair nasional, serantau dan budayawan Melayu antarabangsa cukup bermakna kerana perhimpunan itu diadakan serentak berlangsung Festival Kesenian Antarabangsa Langkawi (Lifa).

Sempena kehadiran ramai tokoh budayawan Melayu antarabangsa, Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) turut mengadakan sidang budayawan Melayu antarabangsa bagi memperkukuhkan jaringan kerjasama sedunia.

Hari puisi kali ini cukup bermakna kerana sempena ulang tahun Gapena yang ke-30 dan sidang budayawan Melayu peringkat kebangsaan sudah berlangsung di Kuala Kangsar pada 22 dan 23 Oktober lalu.

Jurucakap Gapena berkata, acara di Langkawi memang dikuasai oleh acara puisi manakala sidang diskusi akan membicarakan isu pengaruh siber ke atas sastera dan puisi di dunia berbahasa Melayu.

Sesuai dengan hari puisi alaf baru yang menjadi kemuncak pertemuan, tema yang dipilih ialah 'Puisi, Penyair dan Era Siber' sudah cukup untuk menggambarkan betapa perlunya puisi dipertahankan pada zaman globalisasi.

Di samping itu, ada panel diskusi khas memperkatakan puisi Islami dan kemungkinan beberapa tokoh jemputan dari Pakistan dan Arab Saudi turut hadir.

Walaupun ada yang menggelar Hari Puisi Nasional akan menjadi Hari Puisi Nusantara kerana ramai peserta serantau yang ingin turut serta, tetapi yang nyata ramai budayawan dari Aceh, Pattani dan wilayah lain turut serta.

Hari Puisi Nasional XV, adalah tajaan kerajaan negeri Kedah dan akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 November. Beliau juga akan merasmikan Lifa.

Perhimpunan Hari Puisi Nasional akan diadakan di resort lima bintang yang tersohor di Langkawi, iaitu To' Senik Resort yang dibina khas dengan seni ukir dan hiasan dalaman serta suasana kemelayuan. Selain itu, sedang diatur kenduri di kampung Melayu tradisi di tengah sawah padi yang menghijau.

Hari Puisi Nasional adalah lanjutan festival puisi yang Gapena selenggarakan sejak 1976. Ikut menyelenggarakan ialah Majlis Kebudayaan Negeri Kedah dan Asasi, kerabat Gapena di Kedah.

Perhimpunan besar ini sebenarnya satu keraian untuk pencapaian gemilang Malaysia merdeka, serta pencapaian Gapena sendiri.

Kehadiran barisan juara Sayembara Deklamasi Puisi Hari Kebangsaan yang diselenggarakan Gapena sepanjang 14 tahun lalu, mendeklamasikan puisi patriotik.

Nyata Langkawi memang bertuah kerana menjadi tempat pertemuan budayawan serantau dan hari puisi yang cukup bersejarah pada awal alaf baru.

(END)